

19/05/2003

Rebat cukai bakal untungkan ahli FMM

KUALA LUMPUR: Pemberian rebat cukai bagi pembeli rumah di bawah RM160,000, yang dijangka dimasukkan dalam pakej rangsangan ekonomi, akan turut memanfaatkan kira-kira 30 hingga 40 peratus ahli Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) yang terbabit dalam sektor pengeluaran bahan binaan.

Presiden FMM, Datuk Mustafa Mansur, berkata langkah itu dapat merangsang lebih banyak kegiatan ekonomi khususnya sektor industri yang terbabit dalam pengeluaran bahan binaan.

Beliau berkata, ia juga dapat menjana semula sektor pembinaan yang agak lembap dan terjejas berikutan kesan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

Kelmarin, Berita Harian melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan pelbagai langkah menarik dalam pakej rangsangan ekonomi Rabu ini termasuk memberi rebat cukai bagi pembeli rumah di bawah RM160,000.

Langkah pemberian rebat cukai yang bertujuan mengurangkan lebihan hartanah kediaman yang mencecah RM7 bilion, Mac lalu diharap dapat menggalakkan pemilikan rumah di kalangan golongan rendah dan sederhana.

Sumber berkata, pembeli boleh menjangka peratusan rebat cukai terhadap bayaran pendahuluan bersamaan dengan 10 peratus nilai hartanah yang dibeli.

Sambil mengalu-alukan cadangan kerajaan itu, Mustafa berkata, ia juga dapat menggerakkan semula jualan sektor hartanah yang menghadapi masalah lambakan, khususnya membabitkan unit rumah kedai dan apartmen.

Sementara itu, Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), N Marimuthu, mencadangkan langkah itu diperluaskan dengan menurunkan kadar faedah pinjaman perumahan kepada kakitangan kerajaan daripada empat peratus kepada dua peratus.